KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

CANANG

Mei 2021

PETIKAN TITAH

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.

Dalam situasi pandemik masa kini, kebiasaan cara berhari raya dalam bentuk ziarah menziarahi mestilah disesuaikan demi kebaikan. Misalnya penyesuaian itu, sambutan hari raya pada tahun ini eloklah disambut secara sederhana sahaja, bukan secara besar-besaran.

Juga mustahak diingat, bahawa suasana hari raya bukanlah sebab atau alasan untuk meringan-ringankan tugas dan tanggungjawab selaku jentera kerajaan. Adapun bekerja dengan gigih dan tekun adalah merupakan satu ibadat dan amanah yang dituntut oleh ugama. Oleh itu, janganlah ia diabaikan, kerana mengikutkan emosi semata-mata.

Sudah biasa berlaku pada setiap tahun, bahawa terdapat pejabat yang kosong atau hampir kosong, kerana pegawai dan kakitangannya keluar berhari raya pada waktu bekerja.

Beta mahu supaya kebiasaan yang tidak bagus ini janganlah ia berpanjangan atau sampai jadi budaya yang merugikan. Ia bukan sahaja menyalahi peraturan, bahkan juga menyalahi ugama.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA HARI RAYA 'IDIL FITRI TAHUN 1442H/2021M

KUNJUNGAN HORMAT

MASAKI FUJIWARA
ASSISTANT TO GROUP CEO,
NATURAL GAS GROUP MITSUBISHI CORPORATION

Isnin 03 Mei 2021
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA ANGIN KENCANG

Rabu, 12 Mei 2021
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada mangsa ditimpa bencana angin kencang yang berlaku pada 6 Mei 2021 di Kampung Manggis Satu yang didiami oleh Awang Haji Awang Sani bin Haji Bakar.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA KEBAKARAN

Sabtu, 29 Mei 2021
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada mangsa kebakaran rumah yang berlaku pada 24 Mei 2021 di Kampung Anggerik Desa yang didiami oleh Dayang Rokiah binti Haji Jinin dan keluarga dan Awang Roby anak Sampai dan keluarga.

PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN SEMPENA HARI KELUARGA ANTARABANGSA 2021

Assalamualaikum / Salam sejahtera

Tarikh 15 Mei adalah merupakan Hari Keluarga Antarabangsa yang diraikan di seluruh dunia yang diasaskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1993, bertujuan bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan keluarga, dan mengenai isu-isu yang membawa kesan terhadapnya. Mempunyai ikatan kekeluargaan yang kuat merupakan sandaran kepada persekitaran yang selamat, dan amat diperlukan untuk perkembangan individu. Di Negara Brunei Darussalam, institusi keluarga sememangnya merupakan asas masyarakat yang menyumbang kearah pembangunan negara, dan yang mana kita juga telah menyambut Hari Keluarga Kebangsaan setiap bulan Mei semenjak 2012.

Tema Hari Keluarga Antarabangsa pada tahun ini ialah "Keluarga dan Teknologi Baru" *(Families and New Technologies)*. Tema ini bertujuan bagi meningkatkan kesedaran bahawa teknologi baru mendukung peralihan ke arah pembangunan lestari, yang mana teknologi digital berperanan dalam pembangunan sosial dan kesejahteraan semua.

Memang tidak dinafikan, teknologi telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat. Ini jelas dilihat sewaktu pandemik COVID-19 yang telah menunjukkan kepentingan teknologi digital untuk pekerjaan, pendidikan dan berkomunikasi. Alhamdulilah, dengan adanya **dasar dan inisiatif** dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memanfaatkan teknologi baru kedalam kehidupan seharian, ianya telah membantu memudahcara penjagaan keluarga seharian, termasuklah dalam penjagaan kesihatan keluarga; memudahcara pekerjaan dan sumber pendapatan keluarga; memastikan kelangsungan pendidikan anak semasa di rumah; dan juga membantu penjagaan anak semasa bekerja. Penggunaan teknologi digital juga berpotensi untuk membantu keluarga dan memperkasa ibubapa dalam mempertingkatkan kemahiran keibubapaan demi kesejahteraan keluarga mereka.

Walau bagaimanapun, selain membawa manfaat kepada kesejahteraan keluarga, **teknologi baru** juga boleh mendatangkan kesan terhadap institusi keluarga. Antaranya ianya boleh membantut perkembangan kanak-kanak serta boleh menggugat keharmonian keluarga. Oleh itu, bagi memastikan institusi keluarga tetap kukuh dan bertahan dalam mengatasi sebarang cabaran semasa, kita perlu mempertingkatkan usaha bagi menjana masyarakat yang bersatupadu, berdayatahan serta **terhindar dari segala bentuk gejala sosial**, selain memupuk masyarakat yang pemedulian serta berkasih sayang. Ini **adalah selaras dengan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035** iaitu Ke arah masyarakat yang bersepadu dan berdaya tahan yang mana keharmonian sosial itu sendiri adalah melalui perpaduan masyarakat.

Tujuan pembentukan keluarga ialah untuk mewujudkan keluarga sakinah (yang tenteram lagi bahagia), mawaddah (yang penuh dengan kasih sayang) dan warahmah (yang mendapat rahmat). Menyokong dan mengukuhkan institusi keluarga adalah tanggungjawab bersama kerajaan, masyarakat dan individu sendiri. Setiap ahli keluarga perlu memainkan peranan masing-masing, saling hormat menghormati dan bertolak ansur, sejajar dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja sebagai asas bagi **pembinaan sebuah keluarga** yang mempunyai nilai-nilai luhur sehingga terbentuk satu bangsa Brunei yang dinamik dan masyarakat yang kukuh, bermuzakarah, bijaksana dalam membuat keputusan, serta menjiwai dan peka kepada kemajuan dan pembangunan dengan berlandaskan ajaran Islam.

Alhamdulilah pada tahun ini kita juga berkesempatan mendengarkan khutbah Juma'at pada 30 April 2021 lalu yang menekankan bahawa keluarga adalah institusi terpenting bagi sesebuah masyarakat. Selain itu "Doa Keluarga" telah dibaca disetiap Masjid selepas Sembahyang Fardhu Isya, sebelum Sembahyang Sunat Tarawih pada 1hb Mei 2021, sebagai usaha kitani bersama untuk menyeru masyarakat untuk menjaga; menyayangi dan mengukuhkan institusi keluarga, demi menjadi masyarakat yang harmoni.

Oleh itu, sama-samalah kita semua menyedari peranan kita sebagai individu yang berkeluarga; sama ada sebagai seorang bapa atau suami yang menjadi tunggak ketua keluarga; ataupun sebagai seorang ibu atau isteri selaku penyokong dan penasihat dalam keluarga; mahupun anak-anak sebagai pelengkap seri dalam keluarga, hakikatnya setiap anggota keluarga berperanan penting dan bertanggungjawab ke arah mewujudkan keluarga bahagia dan harmoni.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Keluarga Antarabangsa 2021 kepada semua keluarga di Negara Brunei Darussalam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyantuni klien-klien Majlis Kesejahteraan Masyarakat.

IFTAR BERSAMA KLIEN MAJLIS KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

01
MEI
SABTU

Wafa Hotel, Annajat Complex, Beribi - Seramai 600 Klien Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), termasuk 32 anak yatim diraikan pada Majlis Sungkai anjuran MKM dengan kerjasama firma guaman Yusof Halim and Partners (YHP) selaku penaja utama yang merupakan projek amal tahunan bagi menyantuni golongan yang kurang berkemampuan.

Antara pengisian atur cara majlis, Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim dan Ketua-ketua Keluarga yang diraikan oleh para penaja juga dermawan. Majlis tersebut, antara lain bertujuan untuk menjamu klien-klien MKM berbuka puasa dengan beraneka juadah dalam suasana kekeluargaan.

MKM merupakan sebuah Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang tidak berasaskan keuntungan (non-profit organisation), ditubuhkan sejak Disember 2009 merupakan antara rakan strategik KKBS dalam sama-sama membantu menangani isu-isu sosial di negara ini, iaitu ke arah meningkatkan kebajikan taraf kehidupan golongan yang kurang berkemampuan.

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM, PENERIMA ASNAF DAN PENERIMA ISTIMEWA, IAITU ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penaung Bersama MRSB, Kampung Sungai Akar menyerahkan sumbangan .

02
MEI
AHAD

Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar - Seramai 35 penerima terdiri dari 26 anak yatim, tiga penerima asnaf dan enam orang OKU menerima derma hasil sumbangan daripada para dermawan dari penduduk dan Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir dan Muslimah Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) Kampung Sungai Akar yang berjaya mengumpul sebanyak BND10,500 untuk diagihkan tahun ini.

Majlis Penyerahan Sumbangan Derma tersebut juga diselajurkan dengan Majlis Khatam Al-Quran bagi Kumpulan Muslimah MRSB yang telah berjaya menghabiskan pembacaan 30 juzuk di sepanjang bulan Ramadan.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN, TAHLIL DAN DOA KESYUKURAN DI MASJID RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH, KAMPUNG SUNGAI AKAR,

04
MEI
SELASA

Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar, BANDAR SERI BEGAWAN – Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil dan Doa Kesyukuran.

Sebelum majlis khatam, tetamu kehormat bersama Yang Di-Pertua MKM, Awang Mohd Yusuf Shaik bin Abdul Halim telah menyampaikan sumbangan kepada 70 ketua keluarga yang terdiri daripada klien-klien MKM.

Hadir sama ialah ahli-ahli Jawatankuasa Kuasa Tadbir MKM dan Majlis Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah serta lebih 300 klien MKM.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap di Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN (KKBS) DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA BRUNEI SHELL (BSJV) DAN BRUNEI GAS CARRIERS (BGC)

05
MEI
RABU

KOMPLEKS SUKAN JERUDONG, - Majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan Syarikat-Syarikat Usahasam Brunei Shell (BSJV) dan Brunei Gas Carriers (BGC) telah diadakan pada hari ini di Kompleks Sukan Jerudong.

Menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan) dan dari pihak BSJV dan BGC diwakili oleh Shell Country Chair di Brunei Darussalam dan Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn Bhd (BSP) iaitu Yang Mulia Agnete Johnsgaard-Lewis.

Penandatangan memorandum persefahaman (MoU) telah disaksikan oleh Tetamu Kehormat Majlis, Yang Berhomat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tujuan utama memorandum persefahaman ini adalah untuk pembangunan pusat interaktif yang mempamerkan sumbangan sejarah BSJV dan BGC kepada industri minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam ini.

Projek ini dimulakan pada tahun 2019 untuk memperingati ulang tahun penubuhan ulang bagi setiap syarikat di bawah lapangan minyak dan gas iaitu:

Ulang tahun penubuhan yang ke-90 Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn Bhd (BSP); Ulang tahun ke-50 bagi Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG); Ulang tahun ke-60 bagi Syarikat Pemasaran Shell Brunei (BSM); dan Ulang tahun ke-21 bagi Syarikat Brunei Gas Carrier (BGC).

Pusat ini bertujuan untuk memberikan pengalaman pendidikan kepada para pengunjung mengenai sejarah industri minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam melalui empat galeri interaktif:

Galeri satu akan memaparkan sejarah dan cara hidup di Negara Brunei Darussalam sebelum minyak dan gas, dan akan menceritakan kelahiran industri minyak & gas dan masa-masa awalnya bermula dari tahun 1899 ketika penerokaan pertama dimulakan dengan penggerudian telaga pertama yang direkodkan berdekatan dengan Bandar Brunei, yang kini dikenali sebagai Bandar Seri Begawan.

Galeri dua adalah sebuah pameran yang memfokuskan kepada keadaan minyak dan gas pada masa ini. Galeri ini menyediakan pameran interaktif yang menyentuh mengenai rangkaian nilai minyak & gas Brunei. Galeri ini juga menyediakan pameran pendidikan mengenai pelantar dan teknologi yang digunakan oleh industri hari ini.

Galeri tiga akan mempamerkan mengenai 'Tenaga Masa Depan' (Future of Energy) melalui Makmal Tenaga Masa Depan (Future Energy Lab) dan permainan interaktif untuk membina bandar yang lestari.

Galeri empat akan menjadi platform untuk industri kreatif, mempromosikan seni dan artis, pelancongan dan ekonomi, menyediakan jendela kepada masa lalu dan mendidik orang dari semua peringkat usia.

Projek ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Pelaburan Sosial BSJV dan BGC, terutama dalam bidang pendidikan dan memupuk minat dalam kalangan belia mengenai industri minyak dan gas dan sumbangannya kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam. Pusat ini juga akan mengetengahkan peranan negara dalam industri tenaga di rantau ini, terutama melalui pelanggan lama termasuk Jepun, Korea dan India. Pusat ini juga diharapkan dapat menjadi daya tarikan pelancong yang dapat terus menyumbang kepada perekonomian negara.

Pusat ini akan berdiri di atas bekas Bangunan Lama Kastam Diraja yang terletak di kawasan Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan. Bangunan yang ditukar kepada Galeri Seni pada tahun 2007, adalah salah satu lokasi yang bersejarah yang memberikan pembangunan moden kepada negara. Ia juga memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara sebelum penemuan pertama minyak dan gas di Kampung Kasat, berdepanan dengan bangunan ini yang menyeberangi Sungai Brunei.

Selain daripada itu juga, pemilihan bekas Bangunan Lama Kastam Diraja adalah atas tujuan untuk menarik lebih banyak pelawat ke bandar Brunei, sejajar dengan inisiatif pihak kerajaan khususnya dalam usaha mencantikkan kawasan Bandar Seri Begawan.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN BERTAHLIL TABUNG AMANAH PEKERJA

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Lembaga Pengarah TAP.

05 MEI RABU

Masjid Omar 'Ali Saifuddien, BANDAR SERI BEGAWAN - Ahli-ahli Lembaga TAP; Panel Pelaburan; Komiti Audit; Jawatankuasa Polisi Sumber Tenaga Manusia; dan Pegawai juga Kakitangan TAP dan jemaah Masjid Bolkiah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan bacaan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bagi menyamarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Majlis turut diselajurkan dengan Penyampaian Sumbangan Derma kepada 20 anak yatim, terdiri daripada anak-anak yatim Kampung Bolkiah 'A'; Kampung Bolkiah 'B'; dan anak-anak yatim warga TAP.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BAGI APLIKASI SUKARELAWAN (MENGALINGA)

06 MEI KHAMIS

BANDAR SERI BEGAWAN - Seramai tiga orang kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) terpilih untuk memulakan pendidikan awal persekolahan di Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang ditaja oleh Syarikat Total.

Pengurus Perkhidmatan Korporat Syarikat Total, Dayang Harina Ramlee menyatakan bahawa pada tahun ini, Program Amal Ramadan syarikat berkenaan telah melancarkan projek yang melibatkan belia-belia.

Beliau turut menaruh harapan dengan penajaan tersebut akan memberi kesan positif khususnya bagi masa depan kanak-kanak tersebut dan akan sentiasa bekerjasama dengan pihak JAPEM untuk terus memantau perkembangan akademik mereka dari semasa ke semasa.

MAJLIS MEMBACA DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH SEDUNIA 2021

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

07 MEI JUMAAT

Bangunan PGGMB, Jalan Kianggeh, BANDAR SERI BEGAWAN - Persatuan Bulan Sabit Merah, Negara Brunei Darussalam (BRC) mengadakan Majlis Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia 2021 serta diteruskan dengan meraikan Ulang Tahun Penubuhan Ke-73 BRC dan Majlis Iftar bersama penghuni Kompleks Rumah Kebajikan (KRK).

Majlis diselajurkan dengan Majlis Bertahlil untuk Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Pada majlis tersebut BRC dan Rakan Strategik BRC menerusi Friends of BRC Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) juga turut menyampaikan sumbangan Paket Hijau Aidilfitri kepada penghuni KRK disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi, BIBD, Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan; sumbangan khairat Akademi BRC Lifesaving sebanyak BND500 kepada Tabung Kebajikan, KRK dan Bakul Keperluan Anak Damit untuk kegunaan KRK yang disempurnakan oleh Timbalan Presiden Polisi dan Kewangan selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dana Khairat Kebangsaan, BRC, Pengiran Dato Paduka Haji Mohd Yusoff bin Pengiran Haji Bahar kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan sumbangan pek makanan segera daripada McDonald's Brunei yang disampaikan kepada Presiden BRC, Awang Haji Suhaimi bin Haji Ibrahim.

Tema Sambutan Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia bagi Tahun 2021 ialah 'Memperkasa Kesejahteraan Masyarakat' (Empowering the well-being of the society).

MAJLIS BERBUKA PUASA MAJLIS KESEJAHTERAAN MASYARAKAT (MKM)

08
MEI
SABTU

Masjid Kampung Menunggol, BANDAR SERI BEGAWAN - Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), diketuai oleh Yang Dipertua, Awang Mohd. Yusof Shaik Abdul Halim menyusuri Sungai Brunei menuju ke Kampung Menunggol bagi meraikan 200 penduduk, terdiri daripada golongan kurang berkemampuan dalam Majlis Berbuka Puasa.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dijemput untuk menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada sembilan anak yatim dan 30 ketua keluarga yang diraikan. Acara turut diserikan dengan Ceramah, disampaikan oleh Awang Sallahudin bin Haji Aminuddin, bertajuk 'Jihad Hingga Garis Akhir Ramadan'.

Di sepanjang Bulan Ramadan tahun ini, MKM mengungkayahkan pelbagai kegiatan, khususnya dalam membantu meringankan beban golongan kurang berkemampuan, di negara ini.Bermula dari 2 hingga 16 Ramadan, iaitu selama 14 hari, pengagihan makanan untuk berbuka puasa kepada 1,051 Klien MKM di Daerah Brunei dan Muara; Daerah Belait; dan Daerah Temburong dilaksanakan.

MAJLIS BERBUKA PUASA

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari hadir menyampaikan sumbangan.

09
MEI
AHAD

BANDAR SERI BEGAWAN, – Seramai 300 orang daripada golongan yang memerlukan terpilih dari keempat-empat daerah menerima sumbangan derma di majlis berbuka puasa yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Hua Ho Department Store.

Majlis dimulakan dengan bacaan tahlil beramai-ramai dan Doa Selamat yang diketuai oleh Ketua Guru Ugama Pusat Bahagia Brunei dan Muara, Haji Mayadi bin Haji Jais sebelum diteruskan dengan penyerahan derma dalam bentuk baucar berjumlah $200 yang disampaikan oleh tetamu kehormat; wakil Syarikat Hua Ho Department Store, Lau How Teck dan Lau Soon Hau.

Sumbangan daripada Hua Ho Department Store ini bertujuan untuk meringankan kesusahan keluarga-keluarga yang memerlukan di samping memberikan kegembiraan dan keceriaan kepada golongan yang memerlukan dalam sama-sama menyambut bulan Ramadan dan persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

MAJLIS PERASMIAN SUDUT BACAAN PENGAKAP (SULUH ILMU)

10
MEI
ISNIN

Bangunan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Jalan Gadong - Sudut Bacaan Pengakap (Suluh Ilmu) merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam menyediakan koleksi bahan bacaan bersesuaian, sekali gus dapat melahirkan warga Pengakap yang bermaklumat, berkemahiran dan berpengetahuan.

Sehubungan itu, satu Majlis Perasmian Sudut Bacaan Pengakap (Suluh Ilmu) sempena Hari Buku Sedunia 2021 disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

'RAMADAN: PENGHAYATAN SEPANJANG TAHUN'

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir mendengarkan forum dan menyempurnakan penayampaian wakaf.

11 MEI SELASA

Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, BANDAR SERI BEGAWAN - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sebagai salah satu agensi yang memeduli para belia, menganjurkan sebuah forum bertajuk 'Ramadan: Penghayatan Sepanjang Tahun' sebagai pengisian Majlis Pertemuan Belia dan Kepimpinan Belia Bulan Ramadan tahun ini. Lebih kurang 350 orang belia dan pemimpin belia, terdiri daripada persatuan-persatuan belia, alumni program-program belia, sukarelawan belia, belia masjid dan Muslimah masjid menghadiri majlis tersebut.

Pengisian forum disampaikan oleh Penceramah Al-Minhaaj, Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan selaku Panel I; dan Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi selaku Panel II. Antara kesimpulan yang dapat diperoleh daripada forum tersebut ialah perlunya kita istiqamah dalam mengerjakan amal ibadat, walaupun bermula dengan sedikit demi sedikit dan kepada yang ingin meraih pahala seperti orang yang sembahyang pada malam Lailatulqadar dengan membaca Surah As-Sajdah.

Majlis juga diisikan bacaan Tahlil dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Imam masjid berkenaan, Awang Haji Abu Samah Shukri bin Haji Mohd. Hussein, disusuli dengan berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis juga merupakan salah satu inisiatif KKBS dalam menyatupadukan para belia dan kepimpinan belia selaras dengan misi 'Mencanai Masyarakat Cemerlang Yang Beragama, Berbudaya, Penyayang, Cerdas, Bersatu Padu, Dinamik dan Berwawasan'. Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; serta para pegawai kanan KKBS.

PERINGKAT AKHIR PERTANDINGAN BINTANG KECIL 2021

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari yang hadir selaku tetamu kehormat majlis menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang dan peserta .

23 MEI AHAD

Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), BERAKAS, Ahad, 23 Mei 2021- lagu 'Srikandi Cintaku' dendangan Awang Muhammad Danial Hisyamuddin bin Aming dinobatkan sebagai juara Pertandingan Bintang Kecil 2021 pada Peringkat Akhir menerima hadiah wang tunai berjumlah BND1,500 berserta trofi dan sijil.

Naib juara diraih oleh Awangku Muhammad Farish Adrian Al-Qusyairi bin Pengiran Indra Jaya dan membawa pulang hadiah wang tunai BND1,000 berserta trofi dan juga sijil.

Manakala Awang Muhammad Khairin Darwisi bin Hazman memenangi tempat ketiga dan membawa pulang hadiah berjumlah BND700 berserta trofi dan sijil dan wang tunai BND500 bagi Persembahan Terbaik.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah dan Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim.

Pertandingan yang mula diperkenalkan pada tahun 1978 ini merupakan platform atau landasan bagi mencungkil dan mengasuh bakat kanak -kanak yang berumur antara enam hingga 12 tahun dalam bidang nyanyian; seterusnya mendukung perkembangan dan mewarnai lagi industri seni tanah air.

Pada tahun ini, pertandingan diadakan secara tertutup dan hanya dihadiri ahli keluarga terdekat para peserta dan dihadkan keramaiannya.

MESYUARAT DAN PELANCARAN TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN 2021

"Negara ini sepertimana kenyataan NBD melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bertarikh 10 Mei 2021 dan kenyataan bersama Ketua-ketua Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Indonesia bertarikh 16 Mei 2021, Negara Brunei Darussalam menekankan solidariti dengan rakyat Palestin dan menyokong penuh usaha antarabangsa untuk memberhentikan sebarang keganasan demi mewujudkan perdamaian yang adil, berkekalan dan menyeluruh."

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

26
MEI
RABU

Stadium Negara Hassanal Bolkiah, BERAKAS, - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan penubuhan satu tabung bantuan kemanusiaan yang dikenali sebagai Tabung Kemanusiaan Palestin 2021 dan seterusnya bagi penubuhan Jawatankuasa Khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Palestin 2021. .

Jawatankuasa Khas tersebut mula bersidang pagi tadi bertempat di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Bandar Seri Begawan (BSB). Jawatankuasa itu dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Mesyuarat berkenaan bertujuan untuk membincangkan segala urusan yang berkaitan dengan usaha mengumpulkan derma daripada Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku Penasihat Bersama, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Timbalan Penasihat. Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Palestin 2021 yang lain yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Mesyuarat Jawatankuasa menetapkan bahawa tempoh kutipan derma akan diadakan selama tiga bulan, iaitu mulai hari ini, 26 Mei 2021 hingga 23 Ogos 2021. Penetapan tempoh tersebut dibuat bagi memberi peluang kepada para penderma untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan bagi membolehkan pelbagai pihak untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan kebajikan bagi tujuan kutipan derma tersebut.

Penubuhan Tabung Kemanusiaan tersebut diharap akan memberikan peluang kepada orang ramai untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan telus serta bagi membolehkan pelbagai pihak untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan berkebajikan demi meringankan beban mangsa-mangsa di Palestin.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut menyeru penyertaan para belia dalam memberikan sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Palestin 2021 melalui penganjuran aktiviti-aktiviti yang bersesuaian.

Bagi orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan bolehlah berbuat demikian melalui tabung-tabung yang disediakan di masjid-masjid dan surau-surau, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara ataupun menghantar terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Palestin di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, BSB, NBD pada waktu pejabat. Orang ramai juga boleh menderma menerusi dalam talian, iaitu melalui akaun **Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), akaun nombor 00-001-01-0072082 (Tabung Kemanusiaan Palestin 2021)**.

Mesyuarat sebelumnya didahului dengan Majlis Pelancaran SMS Brunei Prihatin Tabung Kemanusiaan Palestin di VIP Lounge, SNHB, sebagai salah satu usaha untuk memberi kemudahan kepada orang ramai menghulurkan derma kepada Tabung Kemanusiaan Palestin.SMS Brunei Prihatin tersebut diungkayahkan bersama Datastream Digital Sdn. Bhd., Progresif Sendirian Berhad (PCSB) dan Imagine Sdn. Bhd.

PEMBUKAAN ASEAN HIGH-LEVEL CULTURAL FORUM ON PROMOTING AN ADAPTIVE ASEAN COMMUNITY OF GREATER UNDERSTANDING, TOLERANCE AND A SENSE OF REGIONAL AGENDAS AMONG THE PEOPLES OF ASEAN

26
MEI
RABU

Bilik Sepakat 5, Pusat Persidangan Antarabangsa, BERAKAS, Khamis, 27 Mei 2021 - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berkata, seruan untuk pemahaman dan toleransi yang lebih besar bukanlah sesuatu yang baharu di ASEAN.

Namun menurut Yang Berhormat, ia terus menyumbang kepada pembinaan asas tanggungjawab bersama dan solidariti yang kuat, sebuah komuniti penyayang dan saling berkongsi yang bertepatan dengan Tema ASEAN 2021, iaitu 'We Care, We Prepare, We Prosper'.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga selaku Pengerusi Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (The ASEAN Socio-Cultural Community - ASCC) berucap demikian semasa Pembukaan ASEAN High-Level Cultural Forum on Promoting an Adaptive ASEAN Community of Greater Understanding, Tolerance and a Sense of Regional Agendas Among the Peoples of ASEAN.

Pada forum yang berlangsung menerusi persidangan video bertempat di Bilik Sepakat 5, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas itu, Yang Berhormat menambah, ASEAN memberikan tumpuan dalam mengejar kepentingan bersama menghadapi cabaran sambil menekankan kembali 'people-centred', 'people-oriented' sebagai bahagian yang tidak boleh dipisahkan dari kerja ASEAN dengan kesediaan menjadi pendekatan penting dalam memupuk komuniti yang lebih lestari dan berdaya tahan pada tahun 2025.

"Oleh itu, kami mengharapkan forum ini memperluaskan pandangan dan peranan budaya perdamaian, toleransi dan pendekatan pemahaman yang lebih baik dari Badan Sektoral ASCC dan pihak berkepentingannya. Dengan demikian, ini akan menjadi bahagian dari input kolektif untuk pengembangan Kerangka Dasar Serantau untuk Memupuk Persefahaman, Toleransi dan Rasa Agenda Yang Lebih Besar Di Kalangan Rakyat ASEAN yang akan diterima pakai semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-38 nanti," jelas Yang Berhormat lagi.

Semasa forum berkenaan, Yang Berhormat turut mengongsikan beberapa pandangan, iaitu ASEAN mesti bersikap strategik dalam mesej utama dari Kerangka Dasar Serantau dengan inisiatif dasar diambil tindakan serta perspektif sektor-silang (cross-sectoral) dan tunggak-silang (cross-pillar) untuk membimbing usaha ASCC yang pelbagai dan harmoni.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, mereka perlu menyelaraskan kerja dalam Kumpulan Kerja ASEAN mengenai Deklarasi Budaya Pencegahan untuk Masyarakat Yang Damai, Inklusif, Berdaya Tahan, Sihat dan Harmoni untuk mempromosikan budaya pencegahan melalui huluan pengembangan dasar dan inisiatif.

Menurut Yang Berhormat lagi, mereka juga harus memperhatikan cabaran akan datang, misalnya dengan menyelaraskan keupayaan pemulihan pasca COVID-19, termasuk Kerangka Pemulihan Komprehensif ASEAN dan memanfaatkan sepenuhnya manfaat transformasi digital dan penggunaan media sosial yang lazim dalam Revolusi Industri Ke-4 untuk menangani iklim ketidakpercayaan yang boleh menjejaskan kesiapsiagaan.

Seterusnya, tambah Yang Berhormat, mereka mesti memanfaatkan hasil Kajian Semula Jangka Masa Depan Pelan Pembangunan Komuniti ASEAN.

"Saya ingin mengingatkan rakyat kita adalah bahagian penting dalam kerja kita. Oleh itu, kita mesti mengenal pasti kaedah inovatif untuk melengkapkannya, terutama belia kita dan memberi tumpuan kepada memahami punca-punca yang mendasari dan akibatnya. Budaya sering dipandang sebagai wahana utama untuk membangun pemahaman dan toleransi yang lebih besar, jadi persoalan utamanya adalah apakah penyelesaian bagi memastikan kemajuan budaya?" ujar Yang Berhormat lagi.

Akhir sekali, tekan Yang Berhormat, mereka mesti mendorong rakyat dalam memainkan peranan yang lebih aktif ke arah kesejahteraan ASEAN yang aman dan berdaya tahan, termasuk campur tangan huluan pada transformasi perlindungan sosial, perubahan iklim, menyebarkan nilai-nilai sukan positif, pendidikan dan peranan penting industri kreatif serta mengukuhkan lagi hubungan antara rakyat dengan rakyat lain.

Yang Berhormat seterusnya berharap, Kerangka Dasar Serantau akan menerapkan kebijakan yang bermakna dan persekitaran yang memungkinkan dengan bermatlamat untuk mewujudkan rasa masyarakat yang lebih mendalam, yang lebih inklusif dan dinamik dengan rasa kekitaan yang berterusan.

' We Care, We Prepare, We Prosper '

BRUNEI DARUSSALAM
2021

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM MUMTAZ

"Usaha membantu golongan yang memerlukan adalah tanggungjawab bersama dan belia kita mempunyai kebolehan untuk sama-sama menjalankan tanggungjawab ini bagi menyumbang kepada pembangunan negara dari peringkat akar umbi."

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa Majlis Perlancaran Program Mumtaz

28
MEI
JUMAAT

Bandar Seri Begawan – Program Mumtaz adalah insiatif murni yang diungkayahkan oleh Teachmeguru dengan kerjasama Kelab Komuniti Belia Transformasi dan sukarelawan.

Program ini memberikan perkhidmatan tuisyen secara percuma kepada seramai 51 pelajar tahun 6 yang terdiri dari golongan Miftahun Najaah golongan yang berpendapatan rendah dan penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) dari lima buah sekolah rendah di Mukim Berakas B yang akan menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun ini. Mata pelajaran yang ditawarkan ialah Matematik, Bahasa Inggeris dan Melayu, Sains dan Melayu Islam Beraja (MIB).

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA MAJLIS KESEJAHTERAAN ORANG KELAINAN UPAYA (MKOKU)

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

30
MEI
AHAD

Dewan AMAS, Kampung Lamunin,TUTONG, – Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) selaku badan induk dan suara rasmi bukan kerajaan bagi persatuan orang kelainan upaya (OKU) telah mengadakan majlis sambutan Hari Raya diselajurkan dengan Sambutan Hari Keluarga.

Antara pengisian majlis tersebut ialah ucapan daripada wakil individu OKU, Dayang Nurul Huda binti Haji Muhin dan Yang Di-Pertua MKOKU, Dato Paduka Haji Mohd Alimin bin Haji Abdul Wahab dan beberapa persembahan hasil gabungan daripada golongan OKU; ahli persatuan OKU dan MKOKU yang menampilkan kemampuan serta kebolehan individu OKU.

Turut hadir ialah ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Ramli bin Haji Lahit; Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) di KKBS, Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, para pegawai kanan KKBS, ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi MKOKU, yang di-pertua persatuan-persatuan yang bergabung dengan MKOKU serta ibu bapa para pelajar.

United Nations | Department of Economic and Social Affairs

INTERNATIONAL DAY OF FAMILIES 15 MAY 2021

EVERYONE INCLUDED

IHYA RAMADAN 1442H/2021M :

TADARUS WARGA KKBS DAN WAKAF

04
MEI
SELASA

Dewan Digadong, KKBS - Sesi tadarus yang dijalankan oleh warga kkbs sepanjang di bulan Ramadhan disempurnakan dengan Majis Khatam Al-Quran semasa Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran 1443 Hijrah /2021 bagi Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan Dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya. Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim warga kementerian.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat berkesudiaan memulakan bacaan Surah Al-Fatihah dan menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim.

Majlis diserikan dengan Ceramah Nuzul-Al-Quran yang disampaikan oleh Ustaz Haji Muhammad Nazir bin Haji Othman, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Antara intipati ceramah yang berkisar tema sambutan kebangsaan tahun ini iaitu 'Al-Quran Asas dan Pemangkin Pembangunan Negara' ialah keberuntungan sebagai umat yang diberikan kesempatan menjadi tetamu dan beramal dibulan ramadhan, bulan yang dicintai oleh Rasulullah.

MAJLIS MEMBACA SURAH YASSIN DAN BERTAHLIL BAGI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR ALI SAIFUDDIEN SA'ADAUL KHAIRI WADDIEN IBNI AL-MARHUM SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM, AL-MAHRUMAH DULI RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT BINTI PENGIRAN BENDAHARA PENGIRAN ANAK ABDUL RAHMAN DAN AL-MARHUM DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA HAJI 'ABDUL AZIM IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH SULTAN DAN YANG DI PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BEKERJA DAN BERUSAHA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 08 Syawal 1442H/ 21 Mei 2021M

Setiap rezeki dan kejayaan perlu diusahakan dengan:

Ikhtiar

Kesungguhan

Berdoa kepada Allah

Sifat meminta-minta

- Dianggap sebagai perbuatan yang keji dan tercela
- Agama Islam melarang umatnya meminta-minta kepada orang lain sedangkan ia masih:

Bertenaga

Berupaya dan mampu untuk bekerja

BEKERJA DAN BERUSAHA

- Dalam agama Islam, bekerja dan berusaha untuk memenuhi keperluan dalam kehidupan itu dianggap sebagai satu ibadah
- Pekerjaan boleh berubah daripada adat kebiasaan kepada amal ibadah dengan syarat:

Setiap kerja yang dilakukan itu mestilah:

1. Tidak bercanggah dengan syariat Islam
2. Setiap kerja yang halal itu dilaksanakan dengan niat ikhlas kerana Allah
3. Dilaksanakan dengan penuh iltizam, tekun dan kemampuan yang terbaik
4. Menjaga batas larangan yang ditetapkan oleh Allah dan menghormati dasar-dasar akhlak
5. Tidak menghalang daripada menunaikan kewajiban kehadrat Allah (cth: sembahyang)

HARI KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA ANTARABANGSA

- 28 April setiap tahun

Marilah kita sama-sama sentiasa mengamalkan budaya keselamatan di tempat kerja dengan mematuhi Perintah Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, 2009 dan Peraturan-peraturan berkaitan

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

Tim Penerbitan Unit Perhubungan Awam *Penyunting & Penyemak*, Unit Perhubungan Awam *Perwajahan dan Aturhuruf* Unit Perhubungan Awam

Jurufoto Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.